

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KP(BPPK)111/6 Jld. 5 (42)  
26 Rabiulawal 1431H  
Tarikh : 16 Mac 2010

Semua Ketua Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Semua Pegawai Pelajaran Daerah

Semua Pengarah Institut Perguruan Malaysia (IPGM)

Semua Pengarah Kolej Matrikulasi

cc Normah.  
- Sila ambil Tindakan.  
RP 28/3.


Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan,

**PENGUMUMAN TARIKH PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN DAN UJIAN MENAIP (HADIAH KENAIKAN GAJI) BAGI PEMBANTU TADBIR RENDAH GRED N11**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Peperiksaan Perkhidmatan dan Ujian Menaip (Hadiah Kenaikan Gaji) bagi Pembantu Tadbir Rendah Gred N11 akan diadakan seperti jadual di bawah:

BIL.	NAMA PEPERIKSAAN	KOD PEPERIKSAAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN DAN TARIKH PEPERIKSAAN		MASA
			TARIKH TUTUP	TARIKH PEPERIKSAAN	
1.	Ujian Kederasan Menaip Bagi Pembantu Tadbir Rendah (Hadiah Kenaikan Gaji) Gred N11	11	4 Jun 2010	4 Ogos 2010	9.00 pagi
2.	Peperiksaan Perkhidmatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11	06	7 Jun 2010	5 Ogos 2010	9.00-10.00 pagi



.../2

3. Bagi tujuan tersebut, calon-calon yang menduduki Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Khusus/Jabatan) wajib mematuhi peraturan seperti berikut:

- a) Calon-calon hanya **dibenarkan** untuk membawa masuk bahan-bahan rujukan seperti yang tersenarai di dalam sukatan Peperiksaan Perkhidmatan ke dewan peperiksaan bagi tujuan rujukan semasa peperiksaan diadakan.
- b) Calon-calon adalah **tidak dibenarkan** sama sekali membawa masuk bahan-bahan rujukan selain daripada di perenggan 3(a) di atas ke dewan peperiksaan bagi tujuan rujukan semasa peperiksaan diadakan.

4. Calon-calon yang didapati **tidak mematuhi** peraturan dan arahan seperti di perenggan 3 di atas boleh dikenakan tindakan tatatertib terhadapnya kerana disifatkan sebagai telah melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

5. Calon yang layak menduduki Ujian Kederasan Menaip (Hadiah Kenaikan Gaji) Gred N11 adalah calon yang **tidak menukar opsiyen** ke Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 sahaja.

6. Kementerian ini memohon kerjasama Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan untuk memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai/ kakitangan yang berkenaan di bawah pentadbiran masing-masing.


7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau kemusykilan, sila hubungi pegawai-pegawai di Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) seperti berikut:

- a) Pn. Siti Madzlina binti Salahudin - 03-8317 9062
- b) Pn. Nurul Ashikin binti Abd. Rahman - 03-8317 9066

Di atas segala kerjasama Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ tuan/ puan berikan di dalam hal ini adalah sangat-sangat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"CINTAILAH BAHASA KITA"**

Saya yang menurut perintah,



**(PUTERI AZLINA BINTI MEGAT RAMLI)**

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.

SUB (BPPK)

TSUB (PK)

TSUB (P)